



Khatan bagi wanita sebahagian syiar Islam

23/2/13 Metro MS 27

Amalan berkhatan tidak asing dalam masyarakat Islam. Bagi wanita hukumnya wajib, sebagaimana diputuskan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia melalui muzakarahnya yang bersidang pada April 2009.

Keputusan itu adalah selaras dengan pandangan jumur ulama. Malah, ia menegaskan amalan berkhatan bagi wanita adalah sebahagian daripada syiar Islam yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam.

Namun, menurut jawatankuasa itu, Islam juga amat mementingkan keselamatan umatnya dan memberikan kelonggaran jika sesuatu amalan atau perbuatan berkenaan boleh mendatangkan kemudaraan pada diri.

Justeru, tegasnya jika tindakan itu boleh membawa kemudaraan pada diri, ia perlulah dielakkan.

Hujah mengenai keputusan itu ialah:

■ Pemotongan genitalia wanita (female genital muti-

lation atau FGM) menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) terdiri daripada semua prosedur yang melibatkan pembuangan sebahagian atau keseluruhan bahagian luar genitalia dan/atau kecederaan pada organ genital atas sebab adato dan budaya atau sebab non terapeutik yang lain. Amalan ini diklasifikasikan kepada empat peringkat:

Peringkat pertama: Clitoridectomy - Ia merujuk pembuangan sebahagian atau keseluruhan klitoris dan/atau bahagian kulup.

Peringkat kedua: Excision - Ia merujuk kepada pembuangan sebahagian atau keseluruhan klitoris dan labia minora dengan atau tanpa pemotongan pada labia majora.

Peringkat ketiga: Infibulation - Ia adalah peringkat kritikal apabila orifis vagina disempitkan dan pemotongan serta aposisi labia minora dan labia majora dibuat dengan atau tanpa pemotongan klitoris.

Peringkat keempat: Peringkat umum - Ia merujuk kepada semua jenis prosedur yang menyakitkan kepada genitalia perempuan untuk tujuan bukan perubahan seperti tusukan, tikaman, torehan, luka dan pengkauterian.

■ Berdasarkan klasifikasi ini, berkhatan bagi wanita Islam seperti dilaksanakan di Malaysia didakwa adalah satu amalan FGM yang hendak dibanteras oleh WHO sedangkan pada hakikatnya FGM adalah bertenangan sama sekali dengan amalan berkhatan seperti ditetapkan oleh syarak.

■ Di dalam Islam fuqaha (khalangan ahli fiqah) sepatat mendefinisikan berkhatan untuk perempuan adalah merujuk kepada pemotongan sebahagian kulit pada bahagian atas faraj bagi perempuan.

Berbeza dengan lelaki, berkhatan bagi perempuan tidak perlu membuang kulit yang berkenaan keseluruhannya, tetapi cukup seka-

dar sebahagian kecil kawasan berkenaan.

■ Ibn Hajar al-Asqalani menyifatkan khatan untuk wanita adalah dengan memotong kulit yang menutupi klitoris tanpa membuang keseluruhannya.

Muhammad Ali Qutub juga menyebut kawasan sama yang dibuang sewaktu dikhatankan apabila kulit itu disebut sebagai fressulum.

■ Bagi anak perempuan dilahirkan dalam keadaan dikhatankan iaitu kulit yang meliputi klitoris sudah tiada, disunatkan oleh ulama Sya-fieyah (khalangan ulama bermazhab Syafie) untuk melakukan saja alat berkhatan pada tempat sepatutnya dikhatankan sebagai tanda mentaati perintah Allah.

Ini kerana seperti disebutkan Sheikh Abu Abdullah Al-Haj, terdapat perbezaan anatomi faraj wanita antara wanita di Timur dan di Barat apabila wanita di Timur dikatakan tidak mempunyai kulit disebutkan ini.

■ Jumur Syafieyah, Imam Ahmad dan al-Hanabilah (ulama bermazhab Hanbali) dan pendapat Sahnun daripada mazhab Maliki me-

ngatakan khatan adalah wajib bagi perempuan.

■ Dr Nasir Farid Wasil, bekas Mufti Mesir merangkap ahli Majlis Penyelidikan Islam al-Azhar menjelaskan khatan disyariatkan untuk wanita melalui umumnya dalil yang berkaitan. Namun, ia perlu ditinggalkan jika terdapat kemudaraan.

Pendapat ini disokong Dr Abd Fatah Idris, Dekan Jabatan Perbandingan Fiqah, Majlis Fiqh al-Islam Makkah dengan menjelaskan, sama ada ia berasaskan adat atau tidak, yang pasti ada hadis yang mengesahkannya.

Dalam konteks sama, Sheikh Mahmud Asyur menyatakan sesuatu perkara itu tidak boleh diharamkan melainkan dengan nas syarie.

■ Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk mengikut apa yang diperintahkan kepada Nabi Ibrahim AS bersandarkan kepada ayat yang bermaksud: "Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad); hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar; dan tiadalah ia

daripada orang musyrik." (Surah an-Nahl, ayat 123)

■ Suruhan ini termasuklah amalan berkhatan kerana ia adalah satu daripada suruhan yang ditetapkan ke atas Nabi Ibrahim.

■ Ibn Hajar menjelaskan memandangkan amalan ini amalan Nabi Ibrahim dan ayat ini jelas menuntut kita mengikut agama Nabi Ibrahim, menjadi wajib bagi umat Islam untuk berkhatan bagi lelaki dan perempuan.

■ Prosedur berkhatan yang termaktub di dalam kitab fiqah tidak langsung memberikan kemudaraan. Malah, WHO juga gagal menunjukkan bukti empirikal kesan negatif yang menunjukkan amalan berkhatan dalam kalangan wanita menimbulkan mudarat sehingga membahayakan nyawa wanita. Di dalam Islam, sesuai dengan kaedah fiqah:

"Sesuatu amalan diperintahkan itu boleh diteruskan selama tidak mendatangkan mudarat dan tidak ada dalil menentangny."

■ Namun, jika menimbulkan mudarat pada diri dan nyawa orang melakukannya, ia wajib ditinggalkan.

FAKTA
Sheikh Abu Abdullah Al-Haj menyebut terdapat perbezaan anatomi faraj antara wanita di Timur dan di Barat